

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA MPSP
MAJLIS PENYERAHAN PASU BUNGA KEPADA SEKOLAH-
SEKOLAH SELURUH SEBERANG PERAI
PERKARANGAN BANGUNAN MPSP,
CAWANGAN JALAN BETEK, BUKIT MERTA JAM
15 JANUARI 2015 (KHAMIS)**

.....

Yang Dihormati Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud
Setiausaha Perbandaran
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Tan Teik Huat
Pengurus Besar Kilang Guppy Plastic Industries Sdn Bhd

Encik Shaqhrony bin Jamaluddin
Ketua Jabatan Landskap
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang dihormati Cikgu-Cikgu

Para Wartawan

Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera**

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Encik Tan Teik Huat, Pengurus Besar Kilang Guppy

Plastic Industries Sdn Bhd, tuan-tuan dan puan-puan kerana dapat meluangkan masa dan hadir sama ke Majlis Penyerahan Pasu Bunga Kepada Sekolah- Sekolah Seluruh Seberang Perai.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan,

Syarikat Guppy Plastic masih bersama MPSP menaja pasu bunga sejak tahun 2013 kepada sekolah-sekolah di Seberang Perai. Untuk program pada hari ini, Syarikat Guppy Plastic Industries Sdn Bhd menaja sebanyak 540 buah pasu bunga dan MPSP menyumbang tanah dan pokok. Penyerahan pokok dan pasu bunga akan dibuat kepada 36 buah sekolah yang kali pertama menyertai Anugerah Sekolah Hijau tahun 2014. Setiap sekolah mendapat 15 pasu yang telah ditanam pokok. Pihak Syarikat Guppy juga bersetuju memberi pasu kepada sekolah-sekolah yang menyertai Anugerah Sekolah Hijau tahun ini. Bagi sekolah-sekolah yang telah diberi pasu bunga pada tahun 2013, tambahan 10 pasu akan diberikan pada tahun ini jika juri Anugerah Sekolah Hijau mendapati program kebersihan dan penghijauan dilaksanakan dengan baik.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Program Anugerah Sekolah Hijau bermula pada tahun 2010 dengan tujuan memberi pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam sekitar dan menggalakkan penambahbaikan berterusan. Tumpuan perlu diberi kepada pengurangan sisa-sisa buangan, pemeliharaan sumber dan alam sekitar. Pada tahun 2010, ia hanya disertai oleh 30 buah sekolah sahaja dan pada tahun 2011, sebanyak 36 buah sekolah menyertai program ini. Untuk tahun 2012, angka tersebut telah meningkat kepada 53 buah sekolah dimana ia merangkumi 33 buah sekolah rendah dan 20 buah sekolah menengah. Untuk tahun 2013, sebanyak 84 sekolah menyertai Anugerah Sekolah Hijau. Manakala tahun 2014 meningkat lagi kepada 106 buah sekolah. Peningkatan ini menunjukkan semakin banyak sekolah yang mulai peka dan mengambil tindakan proaktif untuk memelihara dan memulihara alam sekitar kita. Saya percaya tahap kebersihan di Seberang Perai akan bertambah baik kerana para pelajar bukan sahaja akan mempraktikkan kriteria-kriteria amalan hijau di sekolah tetapi juga dalam kehidupan seharian mereka.

Sambutan yang sangat menggalakkan ini membuatkan Syarikat Guppy Plastic Industries Sdn Bhd untuk terus terlibat dalam program keceriaan sekolah dengan memberi sumbangan pasu bunga kepada peserta-peserta anugerah sekolah hijau. Sekolah-sekolah perlu menjaga pokok yang diberi dengan baik dan markah akan diberikan semasa

pengauditan dibuat ke sekolah-sekolah hijau. Penilaian Anugerah Sekolah Hijau merangkumi 10 kriteria iaitu: Amalan 3R, penggunaan sisa makan, penggunaan minyak masak terpakai, bahan pembersih, pengurangan beg plastik, tanam pokok, penjimatan tenaga, penjimatan air, kebersihan kawasan sekolah dan aktiviti lain yang kreatif dan berinovasi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Untuk makluman, Pertandingan melukis poster Kempen Makan Sampai Habis telah dilanjutkan sehingga 29 Januari 2015. Poster-poster tersebut boleh dihantar kepada Jabatan Kemasyarakatan, MPSP. Hadiah-hadiah yang ditawarkan adalah lumayan bagi setiap kategori iaitu sekolah menengah dan sekolah rendah. Hadiah-hadiah adalah seperti berikut:

- Johan, RM2,000 bagi sekolah dan RM500 bagi murid serta sijil,
- Naib johan RM1,500 bagi sekolah dan RM300 bagi murid serta sijil,
- Ketiga RM1,000 bagi sekolah dan RM100 bagi murid serta sijil.
- Saguhati RM100 bagi sekolah dan RM50 untuk murid dan sijil.

Poster-poster akan dipaparkan untuk pengundian pembayar cukai mulai 1 Februari 2015 hingga 28 Februari 2015. 10 poster terbaik bagi setiap kategori akan dikemukakan untuk pertandingan negeri.

Selain daripada Anugerah Sekolah Hijau, Majlis juga akan mengadakan pertandingan mengumpul bahan-bahan plastik bagi sekolah-sekolah di Seberang Perai. Hadiah-hadiah yang akan ditawarkan adalah berbentuk alat-alat senaman. Majlis telah mendapatkan penaja untuk hadiah-hadiah pertandingan tersebut iaitu syarikat Infitech Machinery Sdn Bhd. Kriteria pertandingan akan diumumkan semasa Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Apabila kita semakin maju, kita sebenarnya menjana lebih banyak sisa akibatnya tempat pelupusan sampah semakin penuh. Untuk tahun 2014 sebanyak 434,164.590 tan sampah telah dijana dan kos pengurusan sampah adalah sebanyak RM8,770,124.72 (tipping fees). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 233,105.214 tan telah berjaya dikitar semula iaitu bersamaan dengan RM4,708,725.32 (tipping fees). Kadar kitar semula bagi tahun 2014 adalah 34.934% iaitu melebihi daripada sasaran MPSP 34%.

Untuk makluman semua, sisa-sisa makanan yang dihasilkan akan menjana gas metana yang mana 21 kali lebih bahaya dari gas CO₂. Syarikat GreenDAS Biotech (Malaysia) Sdn Bhd telah bersetuju untuk menaja *Biogas Digester* berkapasiti 1 meter padu dengan harga RM1,000 seunit. Alat ini boleh menjadi pembelajaran "Waste to Energy" bagi murid-murid. Dengan adanya alat ini kita dapat meningkatkan lagi interaksi dan kesedaran dikalangan pelajar-pelajar sekolah mengenai kepentingan menjaga alam sekitar serta meningkatkan penggunaan semula bahan buangan, melaksanakan aktiviti kitar semula dan seterusnya mengurangkan sampah ke tapak pelupusan. Saya menyeru kepada sekolah-sekolah yang berminat bolehlah menghubungi Urusetia LA21 kerana terdapat hanya 20 unit ditawarkan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan saya, ucapan terima kasih kepada penaja Encik Tan Teik Huat, Pengurus Besar Kilang Guppy Plastic Industries Sdn Bhd kerana masih bekerjasama dengan MPSP dalam program ini.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin kerana kesudian hadir ke Majlis

Penyerahan Pasu Bunga Kepada Sekolah- Sekolah Seluruh Seberang
Perai pada petang ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.